

Cadangan pelaksanaan tulisan khat Jawi

Wan Azizah mahu bincang dengan PM

Oleh YULPISMAN ASLI

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 5 OGOS

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, beliau akan berbincang dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai keresahan masyarakat Tionghoa berhubung pelaksanaan tulisan khat dan Jawi dalam mata pelajaran bahasa Melayu Tahun 4 pada tahun depan.

Menurut Wan Azizah, walaupun Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu, beliau ambil maklum keresahan masyarakat Tionghoa berkenaan perkara terbabit.

"Memang saya ambil maklum dan saya akan bincang

dengan Perdana Menteri. Walaupun Perdana Menteri telah keluaran kenyataan, kita akan bincang lebih mendalam. Kita memang ambil maklum keresahan orang Tionghoa dalam isu ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas melancarkan pertandingan video kreatif *Hentikan! Stop it!* dan soal selidik mengenai gangguan seksual anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita di kementerian itu di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh.

Wan Azizah berkata demikian ketika diminta mengulas keresahan masyarakat Tionghoa

berhubung keputusan kerajaan yang tetap akan melaksanakan pengenalan tulisan khat dan Jawi dalam mata pelajaran bahasa Melayu Tahun 4 pada tahun depan.

Pendirian kerajaan itu ditegaskan oleh Perdana Menteri di sebalik bantahan pihak tertentu berhubung perkara itu.

Pada masa yang sama, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik memberitahu, kementeriannya bersedia mempertimbangkan keperluan memperkenalkan kaligrafi lain selain seni dan tulisan khat dalam kurikulum sekolah di negara ini.

Menurut Maszlee, perkara itu boleh dibincangkan secara terperinci memandangkan negara terdiri daripada pelbagai kaum yang memiliki identiti kesenian masing-masing.